




KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2026 (MAC)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



BERITA HARIAN

03.03.2026 (SELASA)

Kes salah guna kuasa, seleweng dana zakat

SPRM panggil 63 individu bantu siasatan

Georgetown: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang sudah memanggil 63 individu bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa membabitkan seorang pegawai kanan kerajaan negeri, dalam urusan pembelian tanah serta penyelewengan dana zakat.

Sumber SPRM berkata, semua individu terbabit dipanggil secara berperingkat sejak siasatan dimulakan pertengahan Januari lalu, dengan SPRM turut mempergiat usaha semakan akaun yang disyaki terbabit dalam kegiatan rasuah.

Antara yang dipanggil untuk dirakam keterangan termasuk ahli Majlis Agama Islam Negeri, mufti, setiausaha kerajaan negeri, pegawai kewangan, penasihat undang-undang serta pe-

gawai dan pekerja di agensi itu. Turut dipanggil ialah ahli Lembaga Zakat serta pegawai dan pekerja pusat zakat negeri tersebut.

Terdahulu, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid tiba di pejabat SPRM di Jalan Sultan Ahmad Shah di sini pada pagi semalam.

"Siasatan awal mendapati suspek utama yang merupakan pegawai kanan kerajaan negeri, bersama seorang ahli Majlis Agama Islam Negeri disyaki menggunakan kedudukan serta jawatan masing-masing untuk mencadangkan dan meluluskan pembelian tiga lot tanah pada harga kira-kira RM10 juta.

"Bagi kes kedua, suspek utama bersama pengurus besar Agihan Zakat Negeri disyaki

menyalahgunakan dana zakat melalui Skim Inapan Kasih dan Bantuan Kewangan berjumlah kira-kira RM184,000.

"Dana itu digunakan untuk bayaran penyelesaian baki pinjaman perumahan seorang asnaf tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan," kata sumber berkenaan.

Hujung Januari lalu, SPRM Pulau Pinang membuka kertas siasatan berhubung kes berkenaan susulan pendedahan yang dibuat seorang Ahli Dewan Undangan Negeri pada persidangan negeri hujung tahun lalu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Karunanithy Y Subbiah ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009. BERNAMA



Mohamad Abdul hadir di Pejabat SPRM di Georgetown, semalam. (Foto Anis Faghrurazi/BH)



BERITA HARIAN

03.03.2026 (SELASA)

36 tahanan kes rasuah pengurusan tertinggi babit penjawat awam

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan sebanyak 36 tahanan membabitkan penjawat awam daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi sejak 2021 hingga 31 Januari tahun ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 20 pertuduhan telah dikemukakan dengan nilai rasuah yang terbabit berjumlah RM22,004,505 membabitkan lapan kes yang sudah dijatuh hukum.

"Mengenai perancangan Kementerian bagi memastikan tadbir urus agensi terus berjalan dengan baik, khususnya apabila membabitkan aspek keselamatan negara, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melaksanakan be-

berapa langkah penting, antaranya melaksanakan dasar toleransi sifar terhadap rasuah dan salah laku, khususnya dalam agensi penguatkuasaan bagi memelihara integriti dan reputasi.

"Pendekatan ini membabitkan tindakan tegas, pemantauan disiplin dan peningkatan penggunaan teknologi seperti kamera badan untuk mencegah salah guna kuasa oleh pihak penguatkuasaan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Nelson W Angang yang ingin tahu statistik terkini kes rasuah membabitkan pegawai kanan kerajaan serta jumlah nilai rampasan dan perancangan KDN bagi memastikan proses

Sebanyak 20 pertuduhan telah dikemukakan dengan nilai rasuah yang terbabit berjumlah RM22,004,505 babitkan lapan kes yang sudah dijatuh hukum



Shamsul Anuar Nasarah,
Timbalan Menteri Dalam Negeri

tadbir urus agensi terbabit terus berjalan dengan baik.

Shamsul Anuar berkata, tindakan tatatertib dan perundangan akan diambil secara tegas dengan berlandaskan undang-undang tanpa mengira pangkat atau kedudukan pegawai, sekiranya terdapat bukti kukuh demi memelihara integriti, imej serta reputasi kementerian.

Katanya, KDN turut menyambut baik inisiatif terbaharu kerajaan melalui pengenalan Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE) yang berperanan sebagai pelengkap kepada usaha sedia ada, bagi memperkukuh tadbir urus di semua jabatan dan agensi kerajaan

BERNAMA



SINAR HARIAN

04.03.2026 (RABU)

Penolong pengarah JPN Perak didakwa terima suapan RM4,000

IPOH - Dua penolong pengarah di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh pada Selasa atas tiga pertuduhan menerima suapan wang berjumlah RM4,000 antara tahun 2020 hingga 2022.

Tertuduh, Wan Muhamad Huzairi Shukri, 42, dan Nor Haslan Nor Zaman, 46, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua penjawat awam itu didakwa secara bersama menerima suapan wang tunai masing-masing berjumlah RM2,000, RM1,500 dan RM500 yang dimasukkan ke dalam akaun bank milik Wan Muhamad Huzairi.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bank Simpanan Nasional Cawangan Medan Gopeng, dalam daerah Ipoh pada 27 Ogos 2020, 6 Januari 2022 dan 29 Mac 2022.

Wang berkenaan diterima daripada seorang pengurus syarikat

berusia 38 tahun yang mempunyai urusan rasmi berkaitan tugas tertuduh di jabatan berkenaan.

Semasa kejadian, Wan Muhamad Huzairi bertugas sebagai Penolong Pengarah (DG10) Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum), manakala Nor Haslan, Ketua Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum).

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), G Nanthini menawarkan jaminan RM10,000 bagi setiap pertuduhan.

Bagaimanapun, peguam Hafiz Norkhan yang mewakili kedua-dua tertuduh memohon jaminan pada kadar minimum atas alasan anak guamnya masih berkhidmat dengan pendapatan sekitar RM6,000 hingga RM7,000 sebulan serta tidak mempunyai rekod jenayah selain menanggung keluarga termasuk ibu bapa.

Mahkamah membenarkan ikat jamin RM5,000 bagi setiap tertuduh untuk ketiga-tiga pertuduhan dan menetapkan 15 April depan tarikh sebutan semula kes.



BERITA HARIAN

05.03.2026 (KHAMIS)

Bekas menteri beri keterangan kes perjanjian mega RM1.1 bilion

SPRM sudah panggil 12 individu babit beberapa kementerian bantu siasatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Uah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seorang bekas menteri sudah memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan perjanjian mega kementerian berkenaan yang dianggar bernilai RM1.1 bilion.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan 12 individu sudah dipanggil memberi keterangan berhubung isu berkenaan.

"Setakat ini, SPRM memanggil 12 individu daripada kementerian-kementerian terbabit, antaranya Ketua Setiausaha kementerian dan pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Ditanya sama ada bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli, dipanggil oleh SPRM,



Azam pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Azam enggan mengulas mengenai.

Pada sidang media sama, Azam berkata, ketua pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan timbalannya, dijangka didakwa minggu depan selepas SPRM selesai merujuk kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Ra-

ya (TPR).

Selain dua pegawai kanan itu, katanya, seorang lagi bekas pegawai kanan JAS turut dituduh untuk dihadapkan ke mahkamah. "Kertas siasatan diserahkan kepada TPR untuk penelitian dan turut mengesyorkan ketiga-tiganya didakwa di mahkamah," katanya.

nik (e-waste) yang disiasat agensi berkenaan sejak awal tahun ini.

SPRM dilaporkan akan memperhebat siasatan berhubung kegiatan pengimportan e-waste secara haram susulan risikan mendedahkan antara 2,000 hingga 3,000 kontena sisa berkenaan diseludup masuk ke negara ini melalui pelabuhan utama.

Dua kertas siasatan dibuka

Sementara itu, SPRM membuka dua kertas siasatan susulan penemuan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2026 membabitkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Azam berkata, ia membabitkan isu tatakelola dan ketidakaturan pengurusan kewangan.

"Kita sudah memulakan siasatan dan sedang mendapatkan kerjasama UKM untuk meneruskan siasatan. Dua kertas siasatan sudah dibuka.

"Siasatan memfokuskan isi program pengambilan pelajar yang dikesan tidak mendapat kelulusan ahli Lembaga Pengarah dan isu tuntutan palsu," katanya.

Berdasarkan LKAN 1/2026 yang dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini, UKM dikesan berdepan ketidakteraturan serius dan pelanggaran tatakelola dalam kutipan hasil yuran pelajar dan perbelanjaan di universiti itu yang tidak mematuhi undang-undang serta peraturan kewangan.

(Foto BERNAMA)



BERITA HARIAN

05.03.2026 (KHAMIS)

Ops Godfather

Seorang daripada anak Daim sudah hubungi SPRM

Putrajaya: Seorang daripada empat anak Allahyarham Tun Dr Daim Zainuddin sudah menghubungi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes yang sedang disiasat menerusi Ops Godfather.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata Md Wira Dani Abdul Daim menghubungi pihaknya seperti diminta, manakala tiga lagi anak kepada bekas Menteri Kewangan itu belum dapat dikesan.

"Setakat ini, seorang daripadanya baru menghubungi kami (namun) tiga yang lain kita tidak tahu keberadaan mereka.

"Kita sudah cuba (mengesan) melalui pihak peguam untuk menghubungi tiga yang lain supaya hadir secepat mungkin ke pejabat SPRM," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat SPRM di sini, semalam.

Azam berkata, SPRM melaksanakan Ops Godfather bagi menyiasat kes ketidakpatuhan dalam mengisytiharkan aset mengikut Seksyen 23 dan Seksyen 36 Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001.

Sebelum ini, SPRM memohon bantuan orang ramai bagi mengesan empat warga Malaysia untuk membantu siasatan dalam satu kes sedang berjalan.

Empat individu yang dicari itu adalah ahli keluarga kepada Allahyarham Daim yang juga bekas tokoh politik dan perniagaan.

Selain Md Wira Dani, turut disenaraikan SPRM Asnida Abdul Daim, Muhammed Amir Zainuddin Daim dan Muhammed Amin Zainuddin Daim.

Notis Kesan Individu dikeluarkan ke atas empat anak Daim, susulan kegagalan mereka mem-

beri maklum balas dan ketidakpatuhan terhadap dua notis rasmi yang diserahkan SPRM berkaitan pengisytiharan aset.

Menurut SPRM, notis itu dikeluarkan selepas tiada maklum balas diterima dan usaha menghubungi keempat-empatnya tidak berjaya setakat 26 Februari lalu.

Sementara itu, ditanya sama ada SPRM terbabit dalam siasatan dakwaan wujud pihak yang ingin menjatuhkan kerajaan, Azam menegaskan agensi diterajui tidak terbabit dalam siasatan berkenaan.

Bagaimanapun, beliau memaklumkan SPRM sedia membantu jika diperlukan.

"Saya tidak terbabit (dalam siasatan), SPRM (juga) tidak terbabit dalam siasatan.

"Bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Ketua Polis Ne-

gara, apa-apa yang diperlukan daripada pihak kami, kami sedia membantu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Azam berkata, bekas pembantu bekas Menteri Ekonomi, Chai Jin Sern atau lebih dikenali sebagai James Chai yang juga penganalisis politik, dikehendaki bagi membantu siasatan dakwaan penyelewengan RM1.1 bilion membabitkan seorang bekas menteri.

Katanya, Chai yang pernah menjadi pembantu Datuk Seri Rafizi Ramli, kini berada di United Kingdom dan adalah individu dikehendaki.

"Saya tidak katakan dia seorang saksi, tetapi dia perlu segera pulang ke Malaysia untuk dirakam percakapan.

"Kita belum menerima sebarang maklum balas daripadanya setakat ini, maka kita keluarkan kenyataan media kerana beliau

perlu pulang dari United Kingdom," katanya.

Sementara itu, Chai menyifatkan 'notis pencarian' SPRM terhadap dirinya sebagai tindakan melampau dan boleh menimbulkan fitnah.

Mengikut laporan FMT, Chai berkata, notis berkenaan turut menyenaraikan alamat kediaman dihuni ibu bapanya, sekali gus mendedahkan mereka kepada bahaya.

"SPRM boleh bertanya kepada kawan atau bekas teman sekerja saya dalam kerajaan.

"Mereka boleh menghantar emel atau mesej menerusi media sosial, atau mencari di LinkedIn untuk mengetahui apa yang saya lakukan ini," katanya yang menyifatkan pencarian itu menampakkan beliau sebagai pelarian yang mempunyai sesuatu untuk disembunyikan.



BERITA HARIAN

05.03.2026 (KHAMIS)

SPRM kesan rasuah penguat kuasa dan tonto RM12 juta

18 suspek ditahan, Ops Middleman beku sejumlah akaun dan sita RM7.7 juta

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Irah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Saruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan transaksi rasuah berjumlah RM12 juta antara sindiket orang tengah atau tonto dan anggota penguat kuasa menggunakan akaun keldai adalah sejak 2021.

Ketika Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya turut melaksanakan pembekuan sejumlah akaun dan sita sejumlah RM7.7 juta menerusi Ops Middleman yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Penguatkuasaan Jalan (JPJ) bermula 24 Februari lalu.

Bakli berkata, jumlah itu merangkumi wang tunai, kenderaan mewah, barang kemas dan pembekuan puluhan akaun individu serta syarikat yang dikawal pasti, hasil risikan selama tiga bulan.

Secara keseluruhan, katanya, nilai pembekuan dan sita ialah RM7.69 juta membabitkan wang tunai pelbagai mata wang, 25 kenderaan mewah dianggar bernilai RM2.5 juta, barang kemas kira-kira RM40,000, 27 telefon bimbit dan 41 unit walkie-talkie yang dipercayai digunakan untuk aktiviti berkenaan.

"SPRM turut membekukan 59 akaun individu dan 19 akaun syarikat RM4,692,296.19 yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kegiatan sindiket ini."

"Susatan juga mengesan transaksi rasuah RM12.48 juta dipercayai dibayar antara 2021 hingga 2025 dan usaha sedang dijalankan bagi menjejaki aliran wang berkenaan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Azam berkata, transaksi bermula pada 2021 itu dipercayai bertujuan memastikan kenderaan perdagangan tidak dikenakan tindakan undang-undang oleh penguat kuasa bertugas.

Menerusi operasi sama, katanya, SPRM turut menahan empat pegawai JPJ dan empat anggota polis trafik serta dua pemilik sya-



Wang tunai ancur diampas daripada tonto ke akaun syarikat SPRM dan JPJ di Putrajaya, semalam. (Foto: Mohd Fadi Haniffah/BERNAMA)

rikat dipercayai tonto dan seorang "keldai akaun".

"Keseluruhannya 18 orang ditangkap dan kita membekas kertas sisatan bagi setiap suspek," katanya.

SPRM sebelum ini dilaporkan menemui senarai nama penguat kuasa yang disyaki menerima rasuah daripada sindiket orang tengah bergelar tonto yang tumpas dalam serbuan terbaharu.

Perencuman itu difahamkan hasil soal siasat ke atas beberapa suspek utama yang ditahan dalam Ops Middleman di beberapa negeri sejak kelmarin.

Terima RM2,500 sebulan

Difahamkan, penguat kuasa terbabit menerima rasuah bulanan antara RM1,500 hingga RM2,500 daripada orang tengah syarikat atau pemilik kenderaan perdagangan supaya tidak dikenakan undang-undang dikenakan terhadap mereka.

Dalam Ops Middleman, SPRM menahan 12 orang, termasuk tiga penguat kuasa kerana disyaki terbabit dalam kegiatan tonto dan orang tengah yang merasuah bagi melindungi pemilik kei di Semenanjung.

Lokasi yang disebut disyaki menyimpan dokumen berkaitan pemberian rasuah kepada ejen dan orang tengah, dipercayai sejak 2023.

JPJ sebelum ini melaporkan, SPRM mengesan ejen atau orang tengah sindiket bukan sekadar menjadi perantara kegiatan rasuah dengan sindiket, tetapi turut menjadi 'bandarhari gelap' yang menguruskan wang haram kedatangan koruptor berketuhan.

Perkara itu dikatakan berketuhan sejak beberapa tahun kebelakangan ini susulan operasi drastik dilakukan pihak berkuasa,

terutamanya SPRM.

Azam berkata, pelbagai taktik dilenak digunakan tonto untuk memastikan tindakan tidak dikenakan terhadap kenderaan perdagangan, antaranya memasang stiker bagi mengesahkan perlindungan kepada pemilik dan syarikat terbabit.

"Isa tonto ini wujud sejak 1960-an, tetapi mereka menukar modus operandi setiap masa bagi mengelak dikenakan tindakan undang-undang," katanya.

Selain JPJ, Azam berkata, SPRM akan bekerjasama dengan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman bagi memperkuatkan Ops Middleman.

Sementara itu, Azam mengesahkan satu bagi kertas sisatan dibuka berkaitan dakwaan pengalihan dalam konglomerat IJM Corporation Berhad.

Katanya, kertas sisatan terbaharu itu membabitkan pengambilalihan saham oleh Sunway Berhad baru-baru ini, menjadikannya tiga kertas sisatan dibuka SPRM terhadap IJM sekitar ini.

"Sebelum ini, SPRM membuka dua kertas sisatan terhadap IJM, satu kes pengalihan wang sekitar RM2.5 bilion yang diburukan di United Kingdom (UK) dan kita bekerjasama dengan negara berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut."

"Kertas sisatan kedua berhubung satu projek IJM dan kita sudah memanggil beberapa individu untuk dirakam percakapan."

"SPRM membuka satu lagi kes membabitkan pengambilalihan saham oleh Sunway dan melihat sama ada pengambilalihan itu mempunyai isu rasuah, salah guna kuasa atau kesalahan dalam tatakelola," katanya.



SINAR HARIAN

05.03.2026 (KHAMIS)

Bekas menteri, KSU antara dipanggil SPRM

Berhubung perjanjian
mega RM1.11 bilion antara
kerajaan Malaysia dengan
sebuah syarikat asing

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN
MUHAMAD ADNAN dan
AHMAD ISMADI ISMAIL

PUTRAJAYA - Seorang bekas menteri telah dipanggil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan penyelewengan melibatkan perjanjian mega antara kerajaan Malaysia dengan sebuah syarikat asing yang dianggarkan bernilai RM1.11 bilion.

Perkara itu disahkan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki menerusi sidang akhbar pada Rabu.

Menurutnya, bekas menteri itu antara 12 individu termasuk Ketua Setiausaha (KSU) sebuah kementerian yang dipanggil untuk dirakamkan percakapan.

"Saya tidak mahu sebut (nama bekas menteri). Ada daripada bekas menteri yang telah dipanggil untuk memberi keterangan," katanya.

Azam berkata, pihaknya telah memperolehi beberapa dokumen penting daripada agensi dan kementerian yang terlibat.

"Kita juga melihat kepada pembentangan Kertas Kabinet (dalam kes itu) dan saksi-saksi yang lain sedang kita panggil," jelas beliau.

Ketika ditanya pemberita adakah bekas menteri berkenaan merupakan Datuk Seri Rafizi Ramli yang dikatakan dikaitkan dengan



Azam (tengah) ketika sidang akhbar di Putrajaya pada Rabu.

skandal tersebut, Azam bagaimana pun enggan mengulas lanjut.

Pada 12 Februari, SPRM mengesahkan menerima laporan berhubung dakwaan penyelewengan pelaburan RM1.11 bilion melibatkan bekas menteri kanan sebuah kementerian.

Sumber berkata, terdapat keraguan mengenai proses rundingan dan kelulusan yang didakwa tidak melibatkan sepenuhnya kementerian serta agensi berkaitan seperti Kementerian Kewangan dan MITI selain beberapa isu lain termasuk konflik kepentingan.

Mengulas mengenai pengesanan bekas pembantu Rafizi, James Chai, Azam berkata, lelaki berkenaan kini dikategorikan sebagai individu dikehendaki dalam siasatan kes berkenaan.

"Setakat ini, belum ada maklum balas da-

ripada beliau," katanya dan menambah individu itu kini dipercayai berada di United Kingdom.

James Chai sebelum ini berkhidmat sebagai pegawai khas kepada Rafizi ketika Ahli Parlimen Pandan itu memegang portfolio Menteri Ekonomi.

Sementara itu, menerusi aplikasi WhatsApp, Setiausaha Akhbar Rafizi, Farhan Iqbal mengesahkan kepada *Sinar Harian* bahawa bekas Menteri Ekonomi itu belum menerima sebarang notis daripada SPRM untuk memberikan kenyataan berhubung dakwaan penyelewengan pelaburan melibatkan perjanjian mega berkenaan.

"YB (Rafizi) masih belum menerima sebarang notis untuk memberikan kenyataan kepada SPRM," katanya ringkas.

Azam enggan jawab isu siasatan melibatkan dirinya

PUTRAJAYA - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki enggan melayan sebarang soalan wartawan berkaitan siasatan terhadap dirinya.

Ketika diajukan soalan mengenai penubuhan Suruhanjaya Diraja (RCI) dalam sidang akhbar perkembangan terkini operasi SPRM, beliau bertindak mengunci mulut.

"Ini saya tak jawab ya. Saya tidak akan komen mengenai perkara ini."

"Saya sudah nyatakan sebelum ini, saya tidak akan menjawab apa-apa soalan berkaitan dengan isu melibatkan khas saya," tegas beliau pada Rabu.

Ketika diasak dengan soalan berkaitan dakwaan SPRM sebagai mafia korporat, Azam juga tidak mahu memberi sebarang respons.

"Saya tidak menjawab perkara ini termasuk isu melibatkan saya," katanya.

Sementara itu, ditanya pula mengenai saman terhadap media antarabangsa, Bloomberg, Azam juga mengelak untuk menjawab.

"Ini pun saya tak nak komen. Kalau tuan (wartawan) mahu tanya, tanya dengan peguam saya," tegas beliau.

Sebelum ini, Kabinet menubuhkan jawatankuasa siasatan khas yang dipengerusikan Peguam Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar bagi menyiasat dakwaan pemilikan saham oleh Azam.

Sebelum ini, Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke dilaporkan akan mencadangkan dalam mesyuarat Kabinet supaya RCI ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan kewujudan 'mafia korporat' serta isu pemilikan saham.



SINAR HARIAN

05.03.2026 (KHAMIS)

SPRM cadang tuduh 3 individu termasuk Ketua Pengarah JAS

PUTRAJAYA - Kertas siasatan berkaitan kes pengurusan sisa elektronik (e-waste) membabitkan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya mencadangkan pertuduhan terhadap kedua-dua pegawai berkenaan serta seorang bekas pegawai kanan jabatan itu.

"Keputusan berhubung cadangan pertuduhan berkaitan kes itu dijangka diketahui dalam tempoh seminggu, sama ada mereka akan dituduh atau tidak," katanya.

Sementara itu, Azam berkata, siasatan kes penyelewengan dana membabitkan Ketua Pengarah dan pegawai kanan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) kini berada di peringkat akhir.

"Kita sudah menjalankan siasatan rapi dalam kes ini malah saya juga sudah mengarahkan pegawai saya menyiapkan kes JUPEM dalam tempoh dua minggu. Tidak wajar siasatan ini ditangguhkan," ujarinya.

Pada 11 Februari lalu, Azam mengesahkan, dua pegawai kanan jabatan kerajaan termasuk seorang Ketua Pengarah disyaki bersubahat menyeleweng dana kira-kira RM900,000 untuk kepentingan peribadi.

Ops Middleman: SPRM beku akaun, sita RM7.7j

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan transaksi rasuah antara sindiket tonto dan penguat kuasa dianggarkan berjumlah RM12 juta dengan menggunakan akaun keldai sejak lima tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, transaksi yang bermula pada 2021 itu bertujuan memastikan kenderaan perdagangan tidak dikenakan tindakan undang-undang oleh penguat kuasa yang bertugas.

"SPRM turut membekukan 59 akaun individu dan syarikat berjumlah RM4.7 juta yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kegiatan sindiket ini.

"Kita telah menahan empat pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan empat anggota polis trafik serta dua pemilik

syarikat dipercayai tonto dan seorang keldai akaun," katanya di sini pada Rabu.

Menurut Azam, keseluruhan individu yang ditahan dalam kes itu adalah seramai 18 orang.

Secara keseluruhan, beliau berkata, nilai pembekuan dan sitaan adalah RM7.69 juta melibatkan wang tunai pelbagai mata wang, 25 kenderaan mewah dianggarkan bernilai RM2.5 juta, barang kemas kira-kira RM40,000.

"Kita turut merampas 27 telefon bimbit dan 41 unit walkie-talkie yang digunakan untuk aktiviti berkenaan.

"Modus operandi sindiket ialah menawarkan rasuah kepada penguat kuasa bagi melindungi kegiatan lori yang melakukan pelbagai kesalahan jalan raya termasuk membawa muatan berlebihan," ujarinya.



SINAR HARIAN

05.03.2026 (KHAMIS)

Op Godfather: Hanya seorang anak Daim tampil hubungi SPRM

Laporan
Sinar Harian
pada
28 Februari
lalu.



PUTRAJAYA - Seorang daripada empat anak Allahyarham Tun Daim Zainuddin telah menghubungi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan Op Godfather.

Bagaimanapun, Ketua Pesuruhjaya SRPM, Tan Sri Azam Baki memaklumkan keberadaan tiga lagi anak bekas Menteri Kewangan itu masih belum diketahui.

"Setakat ini baru seorang menghubungi kami. Yang lain kita tidak tahu (keberadaan)," katanya di sini pada Rabu.

Beliau berkata, SPRM turut berhubung dengan peguam yang mewakili tiga beradik berkenaan supaya mereka segera hadir ke pejabat suruhanjaya itu bagi membantu siasatan.

Pada 28 Februari lalu, SPRM memaklumkan telah mengeluarkan Notis Kesan Individu terhadap empat anak Daim susulan kegagalan memberi maklum balas serta tidak mematuhi dua notis

rasmi yang diserahkan sebelum ini.

Siasatan Op Godfather dijalankan mengikut Seksyen 23 dan Seksyen 36 Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Dalam perkembangan sama, Azam berkata, siasatan turut melibatkan pengesanan harta di beberapa negara yang dipercayai bernilai berbilion ringgit.

"Kami mempunyai senarai harta-harta di beberapa negara. Saya tidak mahu menyebut negara-negara berkenaan dan juga jumlahnya, tetapi ia berbilion ringgit yang telah kami kesan," katanya.

Menurut beliau, siasatan dikendalikan oleh Bahagian Operasi Khas SPRM, yang kini sedang menjalinkan kolaborasi dan perbincangan dengan pihak berkuasa negara-negara terlibat.

Katanya, segala tindakan yang diambil

perlu mematuhi undang-undang negara berkenaan menerusi kerjasama perundangan bersama atau Mutual Legal Assistance (MLA).

Sementara itu, mengulas dakwaan cubaan menjatuhkan kerajaan sedia ada, Azam menegaskan SPRM tidak terlibat dalam siasatan kes berkenaan, namun memberi jaminan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bahawa pihaknya sedia membantu sekiranya diperlukan.

Minggu lalu, PDRM mengesahkan menerima satu laporan berhubung dakwaan sabotaj kerajaan yang didakwa melibatkan individu berpengaruh tempatan dan media antarabangsa.

Setakat ini, PDRM sudah merakam keterangan seorang pengadu dan saksi bagi membantu siasatan berhubung dakwaan cubaan menjatuhkan kerajaan dan melakukan sabotaj terhadap negara.



SINAR HARIAN

05.03.2026 (KHAMIS)

Nafi dakwaan wujud perbincangan atau arahan daripada Na'imah untuk menggulingkan kerajaan

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR - Peguam yang mewakili Toh Puan Na'imah Abdul Khalid menafikan dakwaan kononnya wujud perbincangan atau arahan daripada balu bekas Menteri Kewangan itu, untuk menggulingkan kerajaan atau menjejaskan sistem demokrasi berparlimen.

Peguam, Muhammad Nizamuddin Abdul Hamid berkata, sepanjang menjalankan tugas membela Na'imah, 69, semua pihak memberi fokus kepada fakta sebenar.

"Tidak ada perbincangan untuk menggulingkan kerajaan, semua itu *mother of all lies*."

"Keluarga Allahyarham Tun Daim Zainuddin berhak mempertahankan diri

Semua itu ibu segala pembohongan - Peguam

daripada segala tohmahan dan tuduhan yang dilemparkan, sama ada di mahkamah mahupun di media," katanya ketika sidang akhbar di Mahkamah Tinggi di sini pada Rabu.

Beliau berkata, ia tidak hanya terhad kepada tuduhan oleh pihak kerajaan ataupun oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurutnya, ini kerana, legasi dan nama baik keluarga anak guam perlu dipertahankan sewajarnya.



NA'IMAH

Mengulas mengenai laporan polis yang tular di media dan laporan media antarabangsa Bloomberg, Nizamuddin berkata, naratif yang disebarkan bersifat tidak benar, melampau dan tidak berasas.

Beliau mengesahkan bahawa, terdapat dua nama peguam yang mewakili Na'imah tertera dalam laporan polis berkenaan.

"Saya sendiri merupakan salah seorang yang dinamakan dalam laporan polis tersebut, sementara seorang

lagi ialah Amir Zharif Abdullah," katanya.

Sebelum ini, Na'imah tampil menafikan terlibat dalam sebarang bentuk usaha menggulingkan kerajaan seperti yang didakwa pihak tertentu.

Isteri kepada bekas Menteri Kewangan itu menegaskan, tuduhan berkenaan bukan sahaja tidak berasas, malah melucukan dan tidak masuk akal.

Beliau turut menyifatkan cubaan mengaitkan dirinya dengan pendedahan laporan media antarabangsa, Bloomberg melibatkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki sebagai tidak bertanggungjawab serta menghina kredibiliti pengamal media.



SINAR HARIAN

05.03.2026 (KHAMIS)

Ek ELEH

Baru lima hari perang Iran-Amerika Syarikat
EKONOMI DUNIA SUDAH HURU-HARA

BAYANGKAN KALAU BERLARUTAN sehingga berbulan-bulan

Na'imah dapat rujuk dua persoalan undang-undang kes isytihar harta

KUALA LUMPUR - Mahkamah Persekutuan di Putrajaya akan mendengar dua persoalan undang-undang yang dicabar oleh balu bekas Menteri Kewangan, Allahyarham Tun Daim Zainuddin berkaitan kes gagal mengisytiharkan harta yang dihadapinya.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohd Arief Emran Arifin memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan Toh Puan Na'imah Abdul Khalid untuk merujuk persoalan undang-undang tersebut dalam prosiding pada Rabu.

"Saya membenarkan perkara terbabit namun melibatkan dua soalan sahaja ke Mahkamah Persekutuan," kata hakim.

Dua persoalan tersebut ialah sama ada Seksyen 30(5) dan 36(2) Akta Suruharijaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 melanggar hak untuk menyalahkan diri sendiri dan hak supaya tidak dipaksa mengemukakan bukti yang menunjukkan seseorang bersalah untuk digunakan dalam kes yang dihadapi.

Ia turut menyentuh hak untuk berdiam diri, prinsip anggapan tidak bersalah dan hak perbicaraan yang adil, yang melanggar Perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan, sebagai tidak berperlembagaan dan tidak sah.

Persoalan kedua ialah sama ada dua seksyen itu memenuhi ujian kekadaran tiga peringkat sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam prosiding itu, Na'imah, 69, selaku pemohon dikecualikan kehadiran dan diwakili peguamnya, Datuk Dr Gurdial Singh Nijar.

Sementara itu, di luar mahkamah, Gurdial berkata, dua persoalan yang dibenarkan tersebut, bakal memberi kesan terhadap pertuduhan yang dihadapi oleh anak guamnya.

Pada 23 Januari 2024, Na'imah didakwa atas pertuduhan gagal mematuhi notis supaya mengisytiharkan hartanya termasuk Menara Ilham serta beberapa aset lain di sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Pada 29 Februari tahun sama, Na'imah memfailkan permohonan untuk merujuk persoalan undang-undang membabitkan Seksyen 30(5), Seksyen 36(2) dan Seksyen 62 Akta SPRM 2009 serta Seksyen 32(3)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 ke Mahkamah Tinggi.



HARIAN METRO

10.03.2026 (SELASA)

Suap RM53k elak TNB ambil tindakan

Butterworth: Peniaga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di sini, semalam atas dua pertuduhan memberikan suapan wang tunai berjumlah RM53,000 kepada kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB), lima tahun lalu.

Tertiduh, Tiang Soon Ying, 40, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah dan memohon dibicarakan.

Bapa empat anak itu didakwa secara rasuah memberikan suapan wang tunai masing-masing RM10,000 dan RM43,000 kepada individu berusia 42 tahun yang bertindak bagi pihak TNB sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas beberapa premis sekitar Manjung dan Setiawan, Perak.

Ia susulan premis itu disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) kerana mengganggu, mengambill dan menggunakan elektrik termasuk merosakkan pemasangan milik TNB.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah hotel di George-

town 5 Januari 2021, jam 3.30 petang dan 15 September 2021, jam 10.30 malam.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama, yang sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun, denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Perak, Sharul Aznan Ghazali dan Mohd Afiq Mohd Adnan, manakala tertiduh diwakili peguam Hong Chong Hang.

Mahkamah membenarkan tertiduh diikat jamin RM30,000 bagi kedua-dua pertuduhan dan syarat tambahan perlu melapor diri di pejabat SPRM terdekat sebulan sekali.

Zulhazmi turut menetapkan kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh supaya tarikh sebutan 18 Mac depan bagi kes sebelum ini dapat berjalan serentak dengan dua pertuduhan baharu dihadapi tertiduh semalam.



SOON Ying didakwa memberikan suapan wang tunai RM10,000 dan RM43,000 kepada individu yang bertindak bagi pihak TNB.



BERITA HARIAN

11.03.2026 (RABU)

Penjawat awam dituduh kemukakan dokumen pencapaian palsu petugas

Shah Alam: Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 16 pertuduhan, termasuk lapan pertuduhan pilihan mengemukakan dokumen mempunyai butir matan palsu berkaitan penilaian pencapaian petugas, lebih dua tahun lalu.

Maheran Abd Malik, 54, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di depan Hakim Awang Kerishada Awang Mahmud.

Wanita itu didakwa mengemukakan dokumen penilaian pencapaian yang mengesahkan output kerja petugas, Abdul Hamid Khairudin, 28, di bawah seliaannya dengan niat memperdaya Pegawai Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah Hulu Langat serta Penolong Pegawai Komuniti dan Kemahiran Parlimen Pandan, sedangkan petugas itu tidak mencapai output berkenaan kerana tidak hadir bertugas.

Bagi pertuduhan pilihan,

Maheran didakwa secara curang menggunakan suatu dokumen sebagai tulen, iaitu Borang Penilaian Pencapaian Output atas nama petugas sama kepada prinsipal sama yang mengandungi pernyataan palsu.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Pejabat KEMAS Daerah Hulu Langat di Seksyen 6, Bandar Baru Bangi antara 31 Julai 2023 hingga 30 April 2024.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta sama yang memperuntuk hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda atau RM10,000 mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan pilihan, pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama yang memperuntuk huku-

man penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muhammad Arif Asyraf Mohd Khairi menawarkan jaminan RM15,000 dengan syarat tambahan wanita itu melapor diri di Pejabat SPRM Shah Alam setiap bulan, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Peguaam Suzanawati Ismail yang mewakili Maheran merayu jumlah itu dikurangkan kerana anaknya mempunyai tiga anak, termasuk seorang masih bersekolah dan memberi kerjasama baik sepanjang siasatan serta bersedia mematuhi segala syarat ditetapkan.

Mahkamah membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin dan membenarkan syarat dimohon pihak pendakwaan serta menetapkan 13 Mei sebagai sebutan semula kes. BERNAMA



BERITA HARIAN

11.03.2026 (RABU)



Antara suspek warga China ditahan SPRM dalam operasi bersepadu menerusi Ops Dragon.

(Foto ihsan SPRM)

SPRM tumpaskan sindiket penipuan rentas negara

Kerjasama dengan pihak berkuasa China menerusi Ops Dragon kesan 16 suspek utama

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama pihak

berkuasa China, menumpaskan sindiket penipuan antarabangsa rentas negara dipercayai dikenali rakyat negara itu dan dikehendaki pihak berkuasa republik terbabit.

Operasi bersepadu menerusi Ops Dragon itu menyasarkan rangkaian sindiket yang dipercayai berpangkalan dan beroperasi di beberapa negara, termasuk Malaysia.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, berkata operasi itu mengesan 16 suspek utama selaku ketua sindiket dikesan berse-

bunyi di negara ini.

"Semua suspek adalah warga China dan sudah dihantar pulang bagi tujuan proses perbicaraan di negara asal.

"Proses penghantaran pulang dilakukan dengan kerjasama Kedutaan China dan Jabatan Imigresen Malaysia, manakala semua prosedur perundangan dan diplomatik dipatuhi," katanya di sini, semalam.

Sindiket terbabit dikenal pasti menjalankan aktiviti penipuan rentas sempadan menggunakan pelbagai platform komunikasi dan teknologi bagi memperdaya mangsa.

Sita aset RM3.5 juta

Dalam operasi sama, SPRM turut menyita pelbagai aset bernilai RM3.5 juta yang dipercayai diperoleh hasil aktiviti haram dan mempunyai kaitan dengan aktiviti jenayah.

Antara yang disita ialah dua unit kereta mewah, barang kemas, jongkong emas, komputer peribadi, komputer riba, wang tunai pelbagai mata wang asing dan ratusan unit telefon bimbit.

Nilai keseluruhan aset disita dianggarkan bernilai jutaan ringgit dan SPRM sedang menjalankan proses pelucutahan, selaras peruntukan undang-undang.

Timbalan CEO SSM dituduh terima rasuah daripada anak Hamzah

Khuzairi mengaku tak salah dakwaan terima RM50,000 tanpa balasan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, semalam atas dakwaan menerima RM50,000 tanpa balasan daripada anak ketua pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin, lapan tahun lalu.

Tertuduh, Khuzairi Yahaya, 55, bagaimanapun mengaku tidak

bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Khuzairi didakwa menerima suatu benda berharga dengan tiada balasan iaitu, wang tunai RM50,000.00 daripada Muhammad Faisal Hamzah yang mana tertuduh mengetahui mempunyai hubungan dengan urusan rasminya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Ibu Pejabat SSM@Sentral Jalan Stesen 5, Kuala Lumpur Sentral di sini pada Mei 2018 mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Hukuman tak lebih 2 tahun

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Fadhly Mohd Zamry mencadangkan jumlah jaminan RM15,000 dikenakan terhadap tertuduh.

Beliau juga mencadangkan



Khuzairi dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

mahkamah mengenakan syarat tambahan iaitu passport hendaklah diserahkan kepada mahkamah dan dia dikehendaki melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekali setiap bulan.

"Mahkamah perlu menimbangkan jumlah dan syarat tambahan yang dicadangkan, kerana ada kemungkinan tertuduh melarikan diri daripada menghadapi mahkamah.

"Justeru, jumlah jaminan yang dicadangkan itu dilihat wajar dan munasabah," katanya.

Cadangan pendakwaan itu tidak dibantah peguam bela, Muhammad Aizat Fakri yang mewakili tertuduh.

Hakim Suzana kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dan menetapkan syarat tambahan seperti yang dicadangkan pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 20 April.



BERITA HARIAN

14.03.2026 (SABTU)

Komplot jatuhkan kerajaan

Beberapa saksi penting tinggalkan negara dicari

PDRM rakam percakapan 14 individu setakat ini

Gheh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis sedang mengesan beberapa saksi penting yang dikenal pasti sudah meninggalkan negara bagi membantu siasatan dakwaan komplot untuk menjatuhkan kerajaan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk M Kumar, berkata semakan dengan Jabatan Imigresen Malaysia mengesahkan pergerakan saksi berkenaan.

"Semakan dengan Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan terdapat saksi penting yang

keluar dari Malaysia melalui KLIA antara Januari hingga Februari 2026. PDRM meneruskan usaha mengesan saksi terbabit bagi membantu siasatan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Setakat ini, katanya, seramai 14 saksi sudah dirakam percakapan mengikut Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah.

Beliau berkata, polis komited menjalankan siasatan secara telus dan menyeluruh mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes berkenaan.

"Masyarakat dinasihatkan tidak membuat sebarang spekulasi demi menghormati prinsip keadilan jenayah di negara ini," katanya.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 124B Kanun Keseksaan yang berkaitan perbuatan melakukan aktiviti secara langsung

atau tidak langsung yang memudaratkan demokrasi berparlimen.

Siasatan itu sebelum ini dimaklumkan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail, menerusi kenyataan media pada 27 Februari lalu, berhubung dakwaan wujudnya komplot untuk menjatuhkan kerajaan dan mensabotaj kestabilan negara.

Guna media antarabangsa

Untuk rekod, sebuah keluarga berpengaruh tempatan didakwa mendalangi komplot berkenaan dengan menggunakan media antarabangsa serta pelobi luar negara.

Dakwaan itu terkandung dalam laporan polis yang dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields dan tular di media sosial, baru-baru ini.

Pengadu mendakwa gerakan berkenaan membabitkan ahli keluarga terdekat seorang bekas menteri yang pernah mempunyai pengaruh besar dalam

landskap politik dan ekonomi negara.

Berdasarkan laporan polis itu, pengadu mendakwa wujud rancangan oleh keluarga terbabit, yang dikatakan didalangi isteri kepada bekas menteri berkenaan, menggunakan beberapa platform media antarabangsa untuk memberi tekanan terhadap kerajaan pada peringkat global.

Gerakan itu dipercayai menyasarkan tekanan terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, termasuk berkaitan dakwaan dalam siasatan individu tertentu.

Sekurang-kurangnya lima agensi media antarabangsa disebut dalam perancangan itu, selain dakwaan penggunaan khidmat pelobi di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) sebagai strategi mempengaruhi dasar serta hala tuju sesuatu isu.

Mahkamah arah Yayasan Kubra tangguh roboh kuil

Kuala Lumpur: Mahkamah Majistret Selayang memutuskan Yayasan Kubra tidak boleh meneruskan kerja merobohkan sebuah kuil Hindu di Rawang, sementara menunggu keputusan Mahkamah Tinggi.

Majistret, Chai Guan Hock, dalam keputusannya, berkata mahkamah mendapati wujud pertikaian berhubung status tanah berkenaan.

Beliau berkata, kuil itu sudah berada di lokasi itu sejak 1995, manakala pemilik tanah semasa hanya memiliki tanah itu sejak 2021.

"Mahkamah turut mengambil kira isu di tapak itu boleh menimbulkan ketegangan awam jika keadaan tidak dikawal dengan baik," katanya.

Guan Hock berkata, penguurusan kuil dan Yayasan Kubra perlu mengemukakan kenyataan bertulis serta dokumen sokongan sebelum mahkamah menentukan pemilik sebenar tapak itu.

"Mahkamah akan meneliti dokumen daripada kedua-dua pihak sebelum membuat keputusan," katanya yang menetapkan 5 Jun ini untuk inkuiri. FMT

Pemilik Darul Quran Ittifaqiyah mohon batal pembekuan wang derma

Kuala Lumpur: Pemilik Darul Quran Ittifaqiyah memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi di sini, bagi membatalkan injuksi pembekuan wang derma diterima pusat tahfiz itu yang difailkan 17 keluarga mangsa tragedi kebakaran pada 2017.

Ia susulan tindakan keluarga mangsa selaku plaintif, memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada Februari lalu, yang menolak tuntutan wang derma berkenaan.

Peguam, Najib Zakaria, yang mewakili Pengetua Darul Quran Ittifaqiyah, Mohd Zahid Mahmood, berkata pendengaran kes berhubung permohonan itu ditetapkan pada 2 Jun ini.

Najib berkata, pihaknya turut memfailkan rayuan sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan implikasi undang-undang sekiranya rayuan plaintif dibenarkan oleh mahkamah.

"Susulan keputusan Mahkamah Tinggi pada 10 Februari lalu, plaintif memfailkan rayuan dan atas sebab itu pihak kami

juga perlu memfailkan rayuan. "Ini kerana sekiranya rayuan mereka dibenarkan tanpa kami membuat rayuan balas, ia boleh menimbulkan implikasi undang-undang yang menyulitkan Darul Quran Ittifaqiyah," katanya pada sidang media bersama Mohd Zahid di pusat tahfiz itu, semalam.

Najib berkata, proses rayuan berkenaan kini masih berjalan dan Mahkamah Tinggi turut membenarkan perintah injuksi secara interim bagi mengekalkan pembekuan akaun bank yang mengandungi wang derma berkenaan.

"Mahkamah pada peringkat ini membenarkan injuksi interim, jadi wang itu masih dibekukan sehingga pendengaran kes pada 2 Jun.

"Selepas itu barulah mahkamah akan membuat keputusan sama ada pembekuan tersebut perlu diteruskan atau sebaliknya," katanya.

Najib berkata, dalam perintah injuksi itu, mahkamah membenarkan Darul Quran Itti-

faqiyah mengeluarkan sejumlah RM1.2 juta untuk pembiayaan tahfiz yang tertunggak.

"Buat masa ini Darul Quran Ittifaqiyah masih belum dapat mengeluarkan sebarang wang kerana proses berkaitan perintah mahkamah dan urusan dengan pihak bank masih berjalan.

"Secara keseluruhannya, wang tersebut memang tidak boleh digunakan sejak injuksi dikenakan kira-kira sembilan tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Mohd Zahid menjelaskan akaun pusat tahfiz itu dibekukan sejak 2018 menyebabkan pihaknya tidak dapat melunaskan perbelanjaan menguruskan pusat berkenaan.

"Walaupun Darul Quran Ittifaqiyah dibenar mengeluarkan RM1.2 juta untuk pembiayaan tahfiz yang tertunggak, namun wang itu masih dibekukan sehingga pendengaran kes pada Jun ini. Sekarang bekalan elektrik pusat ini dipotong dan kami diarah membayar sekurang-kurangnya 70 peratus untuk sam-



Mohd Zahid menunjukkan bukti berkaitan isu dana sumbangan tahfiz pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

bungan semula," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Zahid berkata, pihaknya kini mengurangkan 12 pelajar yang memasuki pusat itu tanpa dikenakan sebarang bayaran, sebaliknya perbelanjaan mereka bergantung kepada infaq orang ramai.

"Baru-baru ini timbul fitnah di media sosial yang menuduh kami menyakau wang derma berkenaan. Kenyataan fitnah itu bukan sahaja menjejaskan sumbangan orang ramai, tetapi memburukkan nama saya dan isteri selaku pengasas dan pemilik.

"Kami sudah membuat dua laporan polis berhubung kenyataan fitnah berkenaan dan berharap pihak berkuasa dapat mengambil tindakan kepada individu yang terbabit," katanya.

Mahkamah Tinggi pada 10 Februari lalu, memerintahkan pemilik Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) membayar ganti rugi berjumlah RM1.43 juta kepada 31 mangsa kebakaran, selepas membenarkan tuntutan saman ke atas pusat tahfiz itu.



BERITA HARIAN

18.03.2026 (RABU)

SPRM kesan penyelewengan dana derma, infak semakin meningkat

Lebih lima NGO disiasat kes salah guna kutipan atas nama agama, kebajikan

Oleh Zanariah Abd Mutalib,
Latifah Arifin dan Ilah Hafiz
Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyelewengan membabitkan dana awam seperti derma dan infak kebajikan dilihat semakin serius dalam masyarakat susulan peningkatan kes pengurusan dana yang tidak telus serta disalahgunakan untuk kepentingan peribadi.

Perkembangan itu didedahkan selepas lebih lima pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berasaskan kutipan bantuan kini disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), termasuk pertubuhan yang mengutip sumbangan atas nama Palestin.

Selain NGO, individu termasuk pempengaruh media sosial juga dikesan aktif mengutip dana dan infak daripada orang ramai kononnya bagi tujuan kebajikan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata pelbagai modus operandi dikesan pegawai penyiasat selepas kertas siasatan dibuka terhadap pihak yang disyaki terbabit.

Bellau berkata, aktiviti kuti-

pan dana awam atau *crowdfunding* kini semakin berleluasa, sekali gus membuka ruang kepada penyelewengan berikutan ketiadaan mekanisme semak dan imbang yang telus.

"Ramai beranggapan dana awam hanya membabitkan dana kerajaan, namun dalam siasatan SPRM, badan seperti NGO kebajikan yang menyeleweng dana daripada masyarakat juga boleh dikenakan tindakan.

"Siasatan mendapati pihak terbabit biasanya memperoleh keuntungan segera sehingga mencecah jutaan ringgit melalui dana yang disumbangkan kepada NGO berkenaan. Malah, sejumlah besar dana dikesan dipindahkan ke akaun peribadi yang dipercayai milik pengurusan tertinggi badan terbabit.

"Situasi ini amat menyedihkan kerana orang ramai menyumbang atas nama kebajikan dan agama," katanya kepada BH, semalam.

Azam berkata, aktiviti itu turut berkembang pesat dengan kewujudan platform media sosial seperti TikTok dan Facebook yang memudahkan kutipan dana dilakukan oleh sesiapa sahaja.

Tahun ini sahaja, BH melaporkan sekurang-kurangnya empat NGO berkaitan bantuan kemanusiaan disiasat SPRM kerana disyaki terbabit dalam penyelewengan dana.

Pada 25 Februari lalu, sebuah pertubuhan yang ditubuhkan bersama jawatankuasa sebuah masjid dan sering menganjurkan tajaan berbuka puasa diserbu SPRM selepas tiga individu termasuk pengerusi dan bendahari

ditahan kerana disyaki mengemukakan dokumen palsu membabitkan program sumbangan makanan asas bernilai kira-kira RM5 juta.

Pada 5 Februari pula, seorang setiausaha sebuah NGO terkenal yang sering memperjuangkan nasib penduduk di Asia Barat, khususnya Gaza, Palestin, ditahan SPRM kerana disyaki menyeleweng dana berjumlah kira-kira RM4.2 juta.

Sehari kemudian, seorang pendakwah bebas direman bersama Ketua Jabatan Kewangan dan Perakaunan sebuah institusi pendidikan serta dakwah di negeri ini kerana disyaki bersubahat dalam penyelewengan dana dianggarkan RM1.3 juta.

Pendakwah bebas ditahan

Sebelum itu, SPRM Kedah turut menahan reman dua individu termasuk seorang pendakwah bebas kerana disyaki bersubahat menyalahgunakan kuasa meluluskan kira-kira RM600,000 sebagai balasan bayaran bagi mengumpul dana sebuah institusi pendidikan dan dakwah.

Pada Januari lalu, seorang bekas pengerusi didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan salah guna wang RM207,000 yang dikutip bagi misi kemanusiaan di Myanmar, Yaman, Syria dan Palestin kira-kira tujuh tahun lalu.

Tahun lalu, SPRM turut mendedahkan siasatan terhadap sebuah badan kebajikan di Melaka susulan dakwaan penyelewengan dana awam sebanyak RM26 juta.

Dalam kes membabitkan Aman

Palestin, NGO yang mengutip sumbangan atas nama penderitaan rakyat Palestin itu disiasat secara besar-besaran, dengan beberapa pegawai kanannya didakwa atas pertuduhan pecah amanah, penipuan dan pengubahan wang haram.

SPRM juga membekukan 41 akaun bank milik Aman Palestin serta beberapa syarikat lain membabitkan jumlah RM15.8 juta sebagai sebahagian daripada siasatan dakwaan penyelewengan RM70 juta oleh NGO terbabit.

Pada 2024 pula, pasangan pem-

engaruh media sosial, Alif Tege dan Aisyah Hijanah, ditahan serta direman SPRM berhubung dakwaan salah guna dana yang dikumpulkan melalui platform derma awam seperti JomDonate.

Mereka kemudian didakwa di Mahkamah Sesyen atas tuduhan menyeleweng dana derma melebihi RM1.52 juta yang dikumpulkan bagi tujuan kebajikan.





BERITA HARIAN 18.03.2026 (RABU)

Projek pembangunan mega di Gelugor disiasat

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipercayai sedang menyasiat sebuah projek pembangunan mega berintensiti tinggi di Gelugor, Pulau Pinang, yang sebelum ini didakwa berpotensi menjejaskan kesejahteraan serta persekitaran penduduk setempat jika dilaksanakan.

BH difahamkan, SPRM sudah membuka kertas siasatan berhubung projek berkenaan yang dijangka dilaksanakan dalam tiga fasa, membabitkan pembinaan empat blok pangsapuri setinggi lebih 60 tingkat.

Siasatan itu dipercayai dimulakan selepas ribuan penduduk di kawasan sekitar mengemukakan bantahan terhadap projek berkenaan yang didakwa

turut membabitkan unsur salah guna kuasa serta rasuah oleh pihak berkuasa di Pulau Pinang.

Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Karunanithy Y Subbiah, ketika dihubungi BH mengesahkan siasatan sudah dibuka, namun enggan mengulas lanjut.

“Kita sudah membuka kertas siasatan dan ia dijalankan mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009”

Karunanithy Y Subbiah,
Pengarah SPRM Pulau Pinang

“Kita telah membuka kertas siasatan dan ia dijalankan mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, BH difahamkan siasatan yang dijalankan ketika ini bertujuan mengesan dakwaan salah guna kuasa atau

rasuah oleh pihak berkuasa negeri dalam proses pemberian tanah bagi projek berkenaan.

Tanah yang sebelum ini dimiliki sebuah syarikat berka-tan kerajaan (GLC) itu juga didakwa tidak diperuntukkan untuk pembangunan penempatan penduduk serta tidak sesuai dimajukan bagi projek sedemikian, namun tetap diluluskan untuk pembangunan oleh pihak berkuasa.

Sekiranya projek itu diteruskan, ia dijangka menyebabkan pertambahan sehingga belasan ribu penduduk di kawasan berkenaan, sekali gus menimbulkan kebimbangan mengenai kesesuaian pembangunan dengan persekitaran sedia ada.

Antara kebimbangan yang di-

bangkitkan ialah kemungkinan berlaku kesesakan trafik yang serius serta ancaman terhadap alam sekitar, walaupun pembinaan laluan pintasan dilaporkan akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada projek itu.

Projek itu juga didakwa tidak selari dengan aspirasi Penang 2030 yang menekankan pembangunan bandar yang mampan dan lestari.

Sebelum ini, media melaporkan bahawa Persatuan Penduduk Kejiranan Gelugor, Pulau Pinang membuat laporan kepada SPRM berhubung isu tanah kerajaan di sebuah lot di Gelugor yang disyaki membabitkan unsur salah guna kuasa dan rasuah.





BERITA HARIAN

26.03.2026 (KHAMIS)

Kes salah guna kuasa, rasuah berkait penguatkuasaan urus e-waste

SPRM lengkapkan kertas siasatan, serah kepada AGC

Cadangkan Ketua Pengarah JAS, Timbalan dituduh di mahkamah pada masa terdekat

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kertas siasatan membabitkan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah dilengkapkan serta diemukakan kepada Pejabat Peguam Negara (AGC) dengan syor untuk dituduh di mahkamah dalam masa terdekat ini.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata kertas siasatan

membabitkan ketua pengarah terbabit dibentang pada 26 Februari lalu, manakala bagi timbalannya pada 6 Mac.

"Tindakan kertas siasatan sudah selesai dan turut dibentang kepada AGC dengan syor tuduh.

"SPRM sedang menunggu pelaksanaan pertuduhan oleh AGC ke atas kedua-dua pegawai kanan JAS berkenaan dalam masa terdekat," katanya di sini, semalam.

Azam berkata, SPRM akan meneruskan usaha menangani isu rasuah yang berkait dengan pengurusan e-waste dan sisa plastik, susulan perkembangan terkini membabitkan dua pegawai kanan jabatan itu.

Katanya, isu pengurusan e-waste dan sisa plastik adalah antara cabaran sudah lama dihadapi, khususnya di kawasan yang terkesan dengan aktiviti pelupusan dan pemprosesan yang tidak teratur.

"Aduan berkaitan pencemaran udara, air dan tanah juga turut memberi kesan kepada kesejahteraan penduduk setempat, sekali gus menuntut tindakan bersepadu daripada pelbagai pihak termasuk agensi penguatkuasaan.

"Masalah e-waste dan sisa pepejal plastik sudah lama dihadapi oleh rakyat dan tidak dapat diselesaikan walaupun banyak aduan pencemaran.

"Akhirnya, SPRM menyiasat dan menahan mereka yang diamanahkan untuk melindungi alam sekitar," katanya.

Rasuah beri kesan buruk

Azam menegaskan, sebarang elemen rasuah boleh memberi implikasi yang lebih luas, termasuk kepada kelestarian alam sekitar serta kesihatan awam.

Sebelum ini, SPRM mengetuai Pasukan Petugas Khas Hala Tuju Pengurusan Penguatkuasaan Import Sisa Plastik dan

E-Waste yang dipengerusikan Azam.

Langkah utama diputuskan oleh pasukan petugas khas ialah pengimportan e-waste diharamkan sepenuhnya dan diklasifikasikan di bawah kategori Larangan Mutlak dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 mulai 4 Februari 2026.

Penubuhan pasukan petugas itu dibuat susulan penemuan serius berkaitan penyeludupan sisa elektronik, termasuk laporan ratusan kontena e-waste yang tersadai di pelabuhan dan berpotensi mencemarkan alam sekitar.

Pasukan petugas itu membabitkan 12 agensi termasuk JAS, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA), serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memperkukuh kawalan di pintu masuk negara.



SINAR HARIAN
26.03.2026 (KHAMIS)

Siasat, pecat Ahli Parlimen PKR minta RM10 juta

RCI perlu ditubuhkan bagi
siasat dakwaan itu
supaya nama baik PKR
dapat terpelihara

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN
MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA - Pucuk pimpinan Parti Keadilan Rakyat (PKR) digesa menjalankan siasatan dalaman berhubung dakwaan seorang ahli parlimen parti itu meminta wang tunai RM10 juta daripada ahli perniagaan, Victor Chin bagi menyelesaikan skandal mafia korporat.

Ahli Parlimen Subang, Wong Chen turut menyokong Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi menyalut dakwaan tersebut dalam memastikan nama

CHEN



LAPORAN
MUKA
DEPAN

baik parti dapat terpelihara.

"Pimpinan PKR perlu mengendalikan siasatan dalaman," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Ujar beliau, parti perlu bertindak lebih berani dengan memecat ahli Parlimen terbabit sekiranya disabitkan kesalahan oleh Lembaga Disiplin.

Terdahulu, Victor atau nama sebenarnya, Chin Boon Loong dalam dokumen setebal 40 muka surat memperincikan kronologi peristiwa didakwa itu, namun beliau hanya mampu menyediakan RM9.5 juta pada peringkat awal.

Menurutnya, baki RM500,000 tidak pernah diserahkan kepada ahli parlimen tersebut kerana skandal mafia korporat berkenaan tidak diselesaikan.

Victor juga mengancam untuk mendedahkan identiti ahli Parlimen itu, jika wang tidak dikembalikan kepadanya.

Bulan lalu, *Bloomberg* menamakan Victor sebagai sebahagian daripada rangkaian ahli perniagaan yang didakwa berpakat



VICTOR

dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memalsukan pengambilalihan korporat pesaing.

Pada 16 Mac, polis mengesahkan telah menyerbu beberapa premis milik tokoh korporat itu di sekitar Kemensah dan Sungai Long, Kajang.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail dilaporkan berkata, serbuan bersama Suruhanjaya Sekuriti (SC) itu dilaksanakan bagi membantu siasatan kes di bawah pengubahan wang haram (AMLA).

Victor kemudiannya mengeluarkan kenyataan mengenai siasatan antipengubahan wang haram yang sedang dijalankan, mendakwa pihak berkuasa membekukan lebih 500 akaun bank yang dikaitkan dengannya, menyebabkan kerosakan cagarang yang meluas kepada pihak ketiga.

Beliau juga mendakwa Pasukan Petugas

Khas Anti-Pengubahan Wang Haram Bukit Aman bertindak secara tidak munasabah dalam siasatannya, yang bukan sahaja menjejaskannya tetapi juga rakan sekutu, pelabur dan perniagaan berkaitan dengannya.

Dalam pada itu, Chen berkata, dakwaan Victor itu menjadi alasan kukuh untuk penubuhan RCI berkaitan pemilikan saham Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dan dakwaan mafia korporat.

"Satu lagi alasan kukuh dan meyakinkan mengapa mesti ada RCI," katanya ringkas.

Dakwa mafia korporat berkisar mengenai bahawa pegawai kanan SPRM mengatur kempen intimidasi, memberi tekanan kepada eksekutif dan pemegang saham syarikat awam yang tersenarai untuk meletak jawatan atau menjual saham mereka pada harga diskaun yang tinggi kepada rangkaian ahli perniagaan yang mempunyai hubungan.

SPRM sebelum ini menafikan dakwaan tersebut dan menyifatkannya sebagai percubaan untuk mencemarkan kredibiliti siasatan dan tindakan penguatkuasaan terhadap pihak tertentu dalam sektor korporat.

Badan pencegah rasuah itu menegaskan bahawa dakwaan tersebut tidak berasas dan dipercayai berasal dari sebuah blog dalam talian tanpa pemilik, pengarang atau akauntabiliti yang jelas.



SINAR HARIAN

26.03.2026 (KHAMIS)

Kerajaan perlu jawab dakwaan Victor

PUTRAJAYA - Kerajaan digesa menjelaskan dakwaan melibatkan seorang Ahli Parlimen PKR yang dikatakan menerima RM9.5 juta daripada ahli perniagaan, Victor Chin.

Peguam Kanan, Latheefa Koya menegaskan, dakwaan itu melibatkan ahli Parlimen yang juga anggota Kabinet, justeru ketelusan mutlak kepada rakyat perlu dijamin.

"Kerajaan mesti tampil sama ada untuk

menafikan atau mengesahkan perkara ini. Ketelusan mutlak kepada rakyat perlu dijamin dalam isu penting ini," katanya menerusi hantaran di laman X pada Rabu.

Latheefa yang juga bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) senada dengan pihak lain agar badan itu bertindak segera menyiasat dakwaan Victor.

"SPRM mesti menjalankan siasatan se-

cara menyeluruh dengan merekodkan kenyataan Victor segera tanpa perlu menunggu seseorang membuat laporan terlebih dahulu," tegas beliau.

Sementara itu, Ketua Penerangan Pas, Ahmad Fadhli Shaari berkata, SPRM juga perlu menyegerakan siasatan berhubung dakwaan Victor.

"Jika SPRM sudah selesai berhari raya, dimohon untuk siasat Victor Chin kerana

sudah mengaku beri RM9.5 juta kepada seorang Ahli Parlimen PKR," katanya pada Rabu.

Dalam pada itu, Ahmad Fadhli yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas turut mempersoalkan keperluan menunggu sebarang kelulusan sebelum siasatan dimulakan.

"Takkanlah nak tunggu kelulusan PMX (Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) pula," katanya.